

A Kenal pasti dan gariskan kata ganti nama diri orang dalam ayat-ayat berikut dan tulis jenis kata ganti nama diri orang di ruangan yang disediakan. Menulis : TP2

	Jenis Kata Ganti Nama Diri Orang
1 Menteri Besar Terengganu akan merasmikan sekolah baharu itu. Beliau akan tiba pada pukul 9.00 pagi.	
2 "Engkau hendak ke mana malam-malam begini?" tanya emak kepada abang.	
3 Mereka akan bertolak ke Pulau Redang apabila matahari terbit.	
4 "Kami akan menyiapkan kerja ini sebelum pukul 5.00 petang," kata Munirah dan Siti kepada Azlina.	
5 Chong Seng demam dan batuk-batuk. Dia disahkan menghidap COVID-19.	
6 Lima orang penjenayah itu berjaya ditangkap oleh pihak polis. Mereka akan dihadapkan ke mahkamah.	
7 "Beta akan berangkat ke Negara Pura esok pagi," titah Sultan Nazrin.	
8 Saudara dan saudari sekalian diminta memenuhi tempat duduk di bahagian depan kerana masih banyak lagi tempat duduk yang kosong.	
9 Anda dikehendaki menjawab soalan berdasarkan arahan yang telah disediakan pada kertas soalan.	
10 Dalam pertandingan bercerita yang dianjurkan itu, saya telah mendapat tempat ketiga.	
11 "Kalian perlu beratur sebelum pergi ke dewan sekolah," kata ketua kelas kepada rakan-rakan.	
12 "Segala titah tuanku akan patik laksanakan dengan segera," kata hulubalang kepada Sultan Azlan.	